



SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

PENGAWAL KESELAMATAN TINGKAT II (D.1-2-3 EB.4-5) JABATAN KESELAMATAN DALAM NEGERI JABATAN PERDANA MENTERI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya SANGAT BAIK bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**1. PENGAWAL KESELAMATAN TINGKAT II
JABATAN KESELAMATAN DALAM NEGERI
JABATAN PERDANA MENTERI
D.1-2-3 EB.4-5 (\$530 - \$1,625 SEBULAN)
KEKOSONGAN = DUA (02)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. i) 4 Kepujian / Kredit mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei-*Cambridge* Peringkat Biasa atau sebanding.


ATAU

- ii) Telah berkhidmat di Jabatan Keselamatan Dalam Negeri sebagai Pengawal Keselamatan Tingkat III atau jawatan sebanding sekurang-kurangnya dalam tangga gaji E.1 tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- iii) Telah berkhidmat dengan Pasukan Keselamatan seperti Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Pasukan Polis Diraja Brunei dan sebagainya tidak kurang dari 5 tahun.

2. Bagi calon-calon yang baru dilantik mestilah tidak memakai kacamata / kanta lekap lebih 100 Degree.
3. Calon-calon yang terdiri daripada bekas anggota Keselamatan hendaklah mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan bersih daripada kesalahan disiplin bagi tempoh 3 tahun kebelakangan dan mengemukakan nama 2 orang *Referees* yang dikenali lebih 5 tahun. (Melengkapkan Borang Pengakuan Biodata).



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Melakukan tugas-tugas kawalan keselamatan yang melibatkan:
 - i. Rondaan;
 - ii. Pemeriksaan;
 - iii. Pengawalan;
 - iv. Pengawasan;
 - v. Perhubungan; dan
 - vi. Catatan.
2. Membantu mengendalikan sistem keselamatan di dalam Pusat Kawalan secara bergilir apabila diarahkan;
3. Menahan mana-mana orang atau benda yang melanggar atau cuba melanggar peraturan keselamatan di dalam tempat-tempat keselamatan untuk diserahkan kepada pihak berkuasa (*Lawful Authority*);
4. Mengiringi (*escort*) mana-mana orang atau benda sebagaimana yang diarahkan.
5. Mengendalikan penyerahan dan pemulangan *Security Pass* kepada / daripada orang yang telah dikhaskan;
6. Melaksanakan tugas-tugas kawalan trafik di kawasan yang dikawal;
7. Menyelamatkan orang atau benda dalam kawasan kawalannya sewaktu kejadian kecemasan (*Emergency*);
8. Membantu Pengawal Keselamatan atau mana-mana anggota keselamatan menjalankan tugas-tugas mereka apabila diperlukan; dan
9. Menjalankan sebarang tugas-tugas lain yang berkaitan dengan keselamatan dan *safety* yang diarahkan dari semasa ke semasa.